



MAJLIS KONVOKESYEN KE-11

Universiti Malaysia Pahang

19 hingga 21 November 2016
Bersamaan 19 hingga 21 Safar 1438 Hijrah

Dewan Kompleks Sukan, Universiti Malaysia Pahang, Kuantan, Pahang Darul Makmur



TERBITAN: PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN

SINAR JUMAAT

EDISI : 15/2016



TARIKH : 11 November 2016 / 11 Safar 1438H



BENKEL FOTOGRAFI DAN PERTANDINGAN LENS A RENCAM UMP-UTUSAN

11 November 2016 (Jumaat)

Masa : 9:30 pagi hingga 5:00 petang
Tempat : Blok AI, Area 2, Perustakaan, UMP Pekan

*Setiap peserta akan menerima sijil penyertaan. Terhenti tutup penyertaan pada 10 Oktober 2016

Maklumat lanjut, sila hubungi:
Naufal : 019 9724172
Aiman : 012 750 7948

#KonvoUM2016 #EkskonvoUM2016

Anda berpeluang mengetahui tentang kemahiran Teknik Kamera, Digital Fotograf, Software Editing, pameran fotografi dan pertandingan untuk anda menang hadiah.



Pertandingan Memancing

PERTANDINGAN MEMANCI TERBUKA

12 November 2016 (Sabtu)
Tasik Universiti Malaysia Pahang, Pekan
8:30 Pagi - 12:30 Tengah Hari




Ideal Women CONVENTION 2016

16-17 NOVEMBER 2016
8:00 PAGI - 5:00 PETANG
DEWAN ASTAKA, UMP KAMPUS GAMBANG

TAJUK-TAJUK MENARIK

- PENGURUSAN KEWANGAN: "Piketku Kosong"
- BICARA DARI KAMAR SYARIAH: "Wanita Buta Undang-Undang?"
- FESYEN MUSLIMAH: "Cinderella VS Kak Limah"
- TIPS KESIHATAN: "Sihat Seperti Sa'di'ina Siti Khadijah"
- BICARA WANITA: "I Am An Awesome Wife"
- PENGURUSAN ANAK-ANAK: "Mendidik Anak Dengan Cinta"

~ Minam Pagi, Makan Tengahari & Minam Petang Di sediakan ~

Sebarang Pertanyaan & Pendaftaran Sila Hubungi:
PUAN AMIRA : 014 801 4124 | CIK NAZIRA : 019 294 7100



Adapun: PUSAT ISLAM DAN PEMBANGUNAN INSAN, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

AZAN TERAKHIR BILAL BIN RABAH

Setelah kewafatan Rasulullah SAW, Bilal tidak lagi ingin melaungkan azan di Masjid Nabawi, Madinah. Khalifah Abu Bakar pernah merayu supaya beliau melaungkan azan, tetapi tetap tidak dipedulikan arahan tersebut. Pemergian Rasulullah SAW sangat membekas di jiwa Bilal sehingga dia berkata: "Biarkan hanya menjadi muazin Rasulullah SAW sahaja dan Baginda telah tiada, maka aku bukan muazin siapa-siapa lagi."

Kesedihan Bilal yang tiada penghujung itu telah membuatkan dia memutuskan untuk meninggalkan Madinah, berjauhan daripada tempat Rasulullah SAW. Beliau telah berhijrah ke Syam dan menetap disana.

Sekian lamanya Bilal tidak berkunjung ke Madinah, hingga pada suatu malam Rasulullah SAW telah hadir dalam mimpinya. Dengan suara lembut, Rasulullah SAW menegur Bilal: "Hai Bilal, mengapa engkau tidak mengunjungiku? Mengapa Bilal segera terbangun dari tidurnya dan tanpa berpikiran panjang telah mempersiapkan bekalan perjalanan untuk kembali ke Madinah. Setibanya di Madinah, Bilal segera menuju makam Rasulullah

Setelah kewafatan Rasulullah SAW, Bilal tidak lagi ingin melaungkan azan di Masjid Nabawi, Madinah. Khalifah Abu Bakar pernah merayu supaya beliau melaungkan azan, tetapi tetap tidak dipedulikan arahan tersebut. Pemergian Rasulullah SAW sangat membekas di jiwa Bilal sehingga dia berkata: "Biarkan hanya menjadi muazin Rasulullah SAW sahaja dan Baginda telah tiada, maka aku bukan muazin siapa-siapa lagi."

Kesedihan Bilal yang tiada penghujung itu telah membuatkan dia memutuskan untuk meninggalkan Madinah, berjauhan daripada tempat Rasulullah SAW. Beliau telah berhijrah ke Syam dan menetap disana.

Sekian lamanya Bilal tidak berkunjung ke Madinah, hingga pada suatu malam Rasulullah SAW telah hadir dalam mimpinya. Dengan suara lembut, Rasulullah SAW menegur Bilal: "Hai Bilal, mengapa engkau tidak mengunjungiku? Mengapa Bilal segera terbangun dari tidurnya dan tanpa berpikiran panjang telah mempersiapkan bekalan perjalanan untuk kembali ke Madinah. Setibanya di Madinah, Bilal segera menuju makam Rasulullah

telah berpusu – pusu keluar daripada kediaman mereka dan berkumpul di masjid Nabawi untuk mendengar azan yang mereka sangat merindui itu.

Suasana seluruh Madinah menjadi semakin hiba dalam kesedihan dan kerinduan apabila Bilal melaungkan lafaz "Asyhadu anna Muhammadan Rasulullah". Seluruh Kota Madinah dipenuhi dengan suara tangisan dan ratapan pilu kerana terkenang kepada masa indah ketika saat Rasulullah SAW masih hidup dan menjadi imam solat berjamaah. Bilal juga menangis tersedusedu ketika dia masih melaungkan azan dan tidak mampu menghabiskan laungan azan tersebut kerana terlalu rindu kepada Rasulullah SAW. Laungan azan Bilal pada hari tersebut adalah merupakan yang pertama dan terakhir selepas pemergian Rasulullah. Dia sudah tidak mampu untuk menahan daripada terkenangkan Rasulullah SAW ketika melaungkan azan. ... Maha Suci Allah, semoga kisah tersebut dapat menambahkan lagi rasa rindu dan cinta kepada Rasulullah SAW dalam diri kerana jika dihayati

PELARIAN CECAH 42,000

BAGHDAD - IRAQ. Hampir 42,000 penduduk Mosul di Iraq telah meninggalkan kediaman mereka di beberapa kawasan terlibat sejak operasi membebaskan bandar itu daripada kumpulan militan Daesh dimulakan bulan lalu.

Menurut Pertubuhan Antarabangsa bagi Migrasi (IOM) dalam satu laporan dikeluarkan kelmarin, seramai 41,988 telah dipindahkan akibat daripada operasi Mosul yang berterusan sejak 17 Oktober lalu.

"Penduduk Mosul menyumbang sebahagian besar daripada jumlah pelarian, selain mereka yang datang dari kawasan lain di utara Iraq," menurut agensi terbabit.

Difahamkan, angka itu adalah 7,000

GLOBAL



lebih tinggi berbanding jumlah yang direkodkan IOM, Selasa lalu.

17 Oktober lalu, tentera Iraq yang disokong pejuang sukarelawan dan Kurdish Peshmerga melancarkan operasi besar-besaran untuk merampas kembali Mosul, bandar strategik di utara Iraq daripada Daesh.

Pasukan keselamatan berjaya memasuki had Mosul buat pertama kalinya minggu lalu, sejak Jun 2014 selepas bandar itu jatuh ke tangan militan di tengah-tengah kempen keganasan di utara dan barat Iraq. - Press TV

RIBUAN TURUN KE JALANAN BANTAH PEMILIHAN TRUMP

WASHINGTON - Ribuan penunjuk perasaan berhimpun di jalan-jalan beberapa bandar membantah pemilihan Donald Trump sebagai Presiden Amerika Syarikat, lapor BBC.

Peserta menjerit slogan "bukan presiden saya" dan membakar patung ahli perniagaan itu. Donald Trump menjadi Presiden Amerika Syarikat ke 45 selepas berjaya mengalahkan Hillary Clinton pada pemilihan presiden semalam dengan memperoleh 276 undi

Di New York, beribu-ribu penduduk berarak ke Trump Tower, membidas dasar Trump mengenai imigresen, hak gay dan hak reproduktif.

Protes sebahagian besarnya aman namun di Oakland, California beberapa penunjuk perasaan memecahkan tingkap kedai dan melemparkan peluru berpandu ke arah polis rusuhan, yang dilaporkan bertindak balas dengan gas pemedih mata.

Sementara itu, perhimpunan besar-besaran anti-Trump menutup lebuh raya utama di Los Angeles. Di Chicago, orang ramai menyekat pintu masuk ke

M e n a r a Trump, melancarkan: "No Trump, No KKK, No Fasis USA"



Allah SWT berfirman dalam surah Al-Mulk:2

"Dia lah yang telah menciptakan kematian dan kehidupan untuk menguji kamu, siapakah di antara kamu yang terbaik amalnya; dan la Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun," Perhatikan: "...untuk menguji kamu, siapakah di antara kamu yang terbaik amalnya"

ALLAH menggunakan kalimah 'ahsanu'(terbaik) dan bukannya aksaru(terbanyak) dalam menyatakan tujuannya menguji manusia.

Kenapa Ahsanu? Kenapa bukan aksaru?

Pernah satu ketika Rasulullah SAW berkata:

" Akan berlalu di hadapan kalian selepas ini seorang ahli syurga"

Dan berlalulah seorang lelaki.

Esoknya, Rasulullah SAW mengulang lagi kata-kata yang sama, dan lelaki yang sama juga keluar. Lasanya, Rasulullah SAW mengulang lagi kata-kata baginda, dan lelaki yang sama juga keluar.

Salah seorang sahabat Rasulullah, mempunyai rasa ingin tahu, apakah amal lelaki itu sehingga dia mendapat ganjaran syurga. Maka dia mencari alasan untuk bermalam di rumah lelaki itu selama 3 hari. Namun, dia tidak melihat lelaki itu bangun mengerjakan qiamullail. Pendek kata, amal lelaki itu tidak banyak, dan tiada pula perbuatan-perbuatan istimewa yang kelihatan pada lelaki itu.

Selepas 3 hari, sahabat Rasulullah SAW pun bertanya:

" Aku mendengar Rasulullah SAW menyatakan bahawa engkau ahli syurga, tetapi aku tidak melihat pada engkau ini seorang yang bangun malam bersolat, dan tidak pula aku melihat kau mempunyai apa-apa amal yang istimewa. Maka beritahulah kepada aku, apa yang telah engkau kerjakan?"

Lelaki itu menjawab: **" Aku sebagaimana yang engkau lihat, tiada apa yang istimewa dan tidak pula banyak amalnya. Tetapi dalam hatiku, tiada sedikit pun rasa hasad dan sangka buruk kepada saudara muslimku yang lain"**

Bukan banyak itu menjadi ukuran. Tetapi terbaik itu yang akan mendapat perhatian.

Q & A



FOKUS ISTILAH

AHSANU BUKAN AKSARU

Perjalanan Dakwah TIADA PENGHUJUNG

Kita bukan pemula juga bukan penghujung... , tetapi penyambung, maka jangan hentikan langkah perjalanan itu....

Teruslah Berjalan ...!!!

annas indonesia @annasindonesia